



## **KPDN kaji semula mekanisme barang kawalan, penetapan harga siling**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman dan Samadi Ahmad - Januari 10, 2023 @ 5:16pm  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengkaji semula mekanisme kawalan harga barang yang dikatakan sudah ketinggalan zaman.

"Kita akan kaji semula (mekanisme kawalan harga barangan dan penetapan harga siling) kerana ia sudah setahun (mekanisme itu) kita guna," kata Menteri KPDN, Datuk Seri Salahuddin Ayub dalam sidang media selepas majlis Amanat Tahun Baharu 2023 kepada warga kementeriannya, semalam.

Sebelum ini, Presiden Persekutuan Persatuan Peniaga Barang Runcit Malaysia, Hong Chee Meng meminta kerajaan supaya menilai semula mekanisme kawalan harga yang sudah ketinggalan zaman.

Beliau berkata, tindakan mengawal harga barang itu menyebabkan barangan kawalan seperti telur, gula putih, minyak masak dalam paket dan tepung sering mengalami masalah kekurangan dalam pasaran.

Sebaliknya barangan yang harganya tidak dikawal pula mempunyai bekalan yang mencukupi.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai masalah kekurangan bekalan minyak masak bersubsidi yang masih berlaku, Salahuddin berkata secara keseluruhannya bekalan minyak masak di negara ini masih mencukupi.

"Nak kata keseluruhan minyak masak sudah tidak ada itu, perkara itu tidak benar. Minyak masak bersubsidi itu masih diedarkan di seluruh negara.

"Cuma ada beberapa kawasan atau lokasi yang mengalami masalah bekalan berkenaan, namun untuk isu ini pegawai akan mengambil tindakan bagi mengatasi masalah ini secepat mungkin," katanya.